

121

SOALAN NO: 53

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Mansor Bin Othman
[Nibong Tebal]

TARIKH : 28 Mac 2018

**SOALAN : Dato' Mansor Bin Othman [Nibong
Tebal] minta Menteri Pertanian dan
Industri Asas Tani menyatakan status
perlaksanaan skim insuran pertanian
yang diumumkan oleh Kementerian
dua tahun lepas.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pertanian merupakan sektor yang terdedah kepada impak bencana alam dan perubahan iklim serta isu biosekuriti daripada penyakit dan makhluk perosak. Menyedari kepentingan sektor pertanian dalam menjamin keselamatan bekalan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa meneliti kaedah penambahbaikan terhadap konsep bantuan sedia ada.

Pada ketika ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang meneliti konsep serta model skim perlindungan agromakanan (SPA) yang mampu menjadi *self-sustaining* bagi memastikan perlindungan yang mapan kepada petani, penternak dan nelayan apabila bencana menimpa.

Antara model yang sedang dikaji adalah pewujudan SPA melalui penstrukturkan semula subsidi dan bantuan tanpa sebarang implikasi pengurangan jumlah bantuan kepada golongan sasar mahu pun penambahan kepada komitmen kewangan Kerajaan. Malah, SPA akan merupakan satu bantuan tambahan kepada program-program sedia ada yang

123
membantu memastikan pendapatan petani, penternak dan nelayan tidak terjejas akibat bencana alam dan penyakit.

Memandangkan pelaksanaan memerlukan data yang komprehensif, SPA akan dirintis dengan subsektor padi di mana struktur data adalah lebih teratur dan menyeluruh.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang melaksanakan Skim Perlindungan Agromakanan sebelum hujung tahun 2018 dengan peruntukan minima daripada Kerajaan dan sokongan golongan sasar.